

MALAYSIA
DEWAN RAKYAT
ATURAN URUSAN MESYUARAT

NASKAH SAHIH/BAHASA MALAYSIA

<http://www.parlimen.gov.my>

HARI RABU, 17 JULAI 2019, PUKUL 10.00 PAGI

Bil. 31

PERTANYAAN-PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN

1. PR-1422-L05212
Tuan Chan Foong Hin [Kota Kinabalu] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan setelah membatalkan Trans-Sabah Gas Pipeline (TSGP), apakah usaha Kerajaan dalam menuntut kembali jumlah RM3.54 bilion bayaran yang telah dibuat Kerajaan terdahulu bagi TSGP, serta apakah rancangan alternatif Kerajaan bagi menjana kuasa di Pantai Timur Sabah.

2. PR-1422-L04505
Dato' Sri Reezal Merican bin Naina Merican [Kepala Batas] minta **MENTERI LUAR NEGERI** menyatakan berkenaan isu Rohingya yang telah dibangkitkan sewaktu *OIC Ad Hoc Committee on Accountability for Human Rights Violations Against Rohingya* sewaktu Islamic Summit ke-14.

3. PR-1422-L05667
Tuan Willie anak Mongin [Puncak Borneo] minta **MENTERI PEMBANGUNAN USAHAWAN** menyatakan :-
 - (a) langkah Kementerian untuk memperkasakan Tabung Ekonomi Kumpulan Usaha Niaga (Tekun Nasional) supaya boleh memanfaatkan lebih banyak usahawan khususnya daripada Sabah dan Sarawak. Setakat ini, berapa ramaikah usahawan dari Sabah dan Sarawak yang telah dibantu berbanding usahawan dari Semenanjung; dan

 - (b) apakah strategi Kementerian untuk melahirkan lebih banyak usahawan muda dari Sabah dan Sarawak yang agak terpinggir daripada negeri-negeri lain.

4. PR-1422-L05315
Dato' Sri Azalina Othman Said [Pengerang] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan statistik terkini kanak-kanak di Malaysia yang dijangkiti virus HIV/AIDS dan berapakah rumah perlindungan HIV/AIDS yang dikendalikan masing-masing oleh pihak Kerajaan dan pihak swasta dan apakah jenis bantuan yang disediakan oleh Kementerian untuk mereka.
5. PR-1422-L05602
Tuan Muslimin bin Yahaya [Sungai Besar] minta **MENTERI PEMBANGUNAN LUAR BANDAR** menyatakan apakah insentif dan bantuan untuk membantu usahawan-usahawan luar bandar.
6. PR-1422-L04733
Tan Sri Noh bin Haji Omar [Tanjong Karang] minta **MENTERI KERJA RAYA** menyatakan adakah Projek Lebuh Raya Persisiran Pantai Barat yang melalui kawasan Parlimen Tg. Karang akan mengikut jajaran asal melalui kampung atau cadangan kedua laluan melalui Pekan Tg. Karang.
7. PR-1422-L05043
Tuan Sivakumar Varatharaju Naidu [Batu Gajah] minta **MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan usaha-usaha Kementerian untuk memastikan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) di seluruh negara mencapai piawaian perkhidmatan antarabangsa. Sejauh manakah agenda global seperti "*Sustainable Development Goal*" 2030 dilaksanakan sebagai inisiatif penambahbaikan Pihak Berkuasa Tempatan.
8. PR-1422-L04442
Datin Mastura binti Mohd Yazid [Kuala Kangsar] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan apakah penyakit-penyakit kronik yang paling mendadak di kalangan generasi muda negara dan peratusannya.
9. PR-1422-L05330
Tuan Wong Kah Woh [Ipoh Timur] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan jumlah RPGT yang telah dikutip untuk pelupusan hartanah melebihi 5 tahun sejak pelaksanaannya pada 1 Januari 2019 sehingga sekarang. Apakah taraf pencapaian kutipan cukai ini berbanding dengan jumlah yang disasarkan dalam Belanjawan 2019.
10. PR-1422-L05683
Datuk Seri Panglima Dr. Maximus Johnity Ongkili [Kota Marudu] minta **MENTERI PEMBANGUNAN LUAR BANDAR** menyatakan status terkini pembinaan Jalan Kota Marudu-Samparita-Sungai Magandai, Kota Marudu yang telah diluluskan sebelum ini. Bilakah projek ini akan dimulakan pelaksanaannya.

11. PR-1422-L04497
Tuan Chan Ming Kai [Alor Setar] minta **MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan lot Bumiputera dan bukan Bumiputera bagi rumah kos rendah dan rumah mampu milik yang telah dijual dan masih kosong di setiap negeri.
12. PR-1422-L04802
Dato' Mohd. Nizar bin Haji Zakaria [Parit] minta **MENTERI PELANCONGAN, SENI DAN BUDAYA** menyatakan :-
- (a) apakah usaha yang akan dilaksanakan oleh Kementerian dalam memperkasakan serta mempertingkatkan kualiti pameran muzium di seluruh negara; dan
 - (b) adakah terdapat sebarang cadangan oleh pihak Kementerian untuk menjadikan muzium sebagai salah satu tarikan Tahun Melawat Malaysia 2020.
13. PR-1422-L05258
Tuan Ali anak Biju [Saratok] minta **MENTERI KERJA RAYA** menyatakan sama ada terdapat perubahan pendekatan daripada penggunaan kaedah "*P-Turn*" kepada "*fly-over*" jalan Pan Borneo di simpang masuk Pekan Saratok.
14. PR-1422-L05404
Dr. Nik Muhammad Zawawi bin Haji Salleh [Pasir Puteh] minta **MENTERI PEMBANGUNAN USAHAWAN** menyatakan :-
- (a) berapakah peruntukan yang telah dikeluarkan oleh pihak Kerajaan dalam membuka Pusat Sehati Usahawan (PSK); dan
 - (b) apakah pencapaian terhadap pelaksanaan tersebut termasuklah statistik kejayaan pusat tersebut dalam menyelesaikan permasalahan yang dihadapi usahawan terutamanya usahawan Melayu Bumiputera.
15. PR-1422-L05594
Puan Kasthuriraani A/P Patto [Batu Kawan] minta **MENTERI PELANCONGAN, SENI DAN BUDAYA** menyatakan apakah usaha konkrit yang sedang atau yang akan diambil oleh Kementerian untuk mencegah gejala eksploitasi seks kanak-kanak melalui perjalanan dan pelancongan (*travel and tourism*) seperti yang dilakukan oleh negara-negara seperti Australia, Perancis, Kanada, Thailand dan lain-lain dalam usaha untuk melindungi kanak-kanak.

16. PR-1422-L04794
Dato' Sri Dr. Haji Ismail bin Haji Abd. Muttalib [Maran] minta **MENTERI PEMBANGUNAN LUAR BANDAR** menyatakan apakah langkah yang sedang dan akan diambil oleh Kementerian bagi mengatasi masalah rumah kediaman penduduk luar bandar yang keadaannya daif dan tidak sesuai untuk didiami dan perlu dibaiki, berapakah jumlah peruntukan yang diperuntukkan untuk tahun 2019 bagi tujuan bantuan khas pembaikan rumah.
17. PR-1422-L05260
Tuan Ahmad Fahmi bin Mohamed Fadzil [Lembah Pantai] minta **MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan komitmen Kerajaan Pakatan Harapan untuk meneruskan program Projek Perumahan Rakyat (PPR) demi memenuhi keperluan golongan rakyat termiskin, terutama di kawasan bandar.
18. PR-1422-L04617
Dato' Sri Hasan bin Arifin [Rompin] minta **MENTERI PELANCONGAN, SENI DAN BUDAYA** menyatakan "*ecotourism*" mempunyai masa depan yang cerah di Malaysia ini. Apakah langkah Kerajaan bagi menjaga alam sekitar dan kemudahan infrastruktur yang baik supaya memudahkan pelancong-pelancong datang melawat ke pusat-pusat pelancongan yang berasaskan "*ecotourism*".
19. PR-1422-L04342
Dato' Sri Dr. Santhara [Segamat] minta **MENTERI PEMBANGUNAN LUAR BANDAR** menyatakan mengapakah Kementerian Pembangunan Luar Bandar kurang efisien dalam membantu memberikan peruntukan untuk prasarana luar bandar seperti jalan raya, dewan-dewan yang uzur dan lain-lain lagi. Adakah disebabkan ketiadaan kewangan/peruntukan atau mempunyai sebarang masalah yang lain, nyatakan.
20. PR-1422-L05569
Tuan Ramli bin Dato' Mohd Nor [Cameron Highlands] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan apakah langkah-langkah awal pencegahan yang diambil oleh pihak Kementerian bagi mengawal kejadian penyakit dan kematian Orang Asli Kuala Koh Gua Musang, Kelantan buat masa ini dan apakah laporan pencapaiannya bagi isu musibah penyakit dan kematian di kawasan Orang Asli tersebut, mohon juga dibentang data terkini jumlah yang masih sakit dan mati.
21. PR-1422-L05232
Tuan Noor Amin bin Ahmad [Kangar] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan apakah rancangan Kerajaan untuk mempelbagaikan sumber hasil pendapatan negara selain daripada minyak.

22. PR-1422-L05275

Tuan Haji Ahmad Amzad bin Mohamed @ Hashim [Kuala Terengganu] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan penjelasan berkenaan pembinaan Drawbridge Terengganu yang berada di bawah *East Coast Economic Region* (ECER) sebelum diserahkan kepada Kerajaan Terengganu. Adakah Jambatan itu dibina menepati spesifikasi yang ditetapkan setelah berbincang dengan agensi pengguna laluan perkapalan seperti Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (APMM), Jabatan Laut, Perikanan dan operasi Crewchange Petronas dan Exxonmobile di Pulau Duyong, Kuala Terengganu.

23. PR-1422-L05587

Datuk Abd Rahim bin Bakri [Kudat] minta **MENTERI PEMBANGUNAN LUAR BANDAR** menyatakan bilakah kerja-kerja pembinaan projek bekalan air luar bandar ke Kg. Suang Pai, Kudat dan Kg. Limau-Limauan, Kudat akan dilaksanakan. Apakah kerja-kerja di lapangan telah dimulakan dan apakah status terkini projek ini.

24. PR-1422-L04919

Tuan Lukanisman bin Awang Sauni [Sibuti] minta **MENTERI PELANCONGAN, SENI DAN BUDAYA** menyatakan apakah bentuk bantuan dan sokongan yang diberikan oleh pihak Kerajaan bagi membolehkan Gua Niah dijadikan tapak warisan dunia (UNESCO) dan nyatakan berapakah tempoh masa bagi status ini dicapai.

25. PR-1422-L05522

Tuan Syed Ibrahim bin Syed Noh [Ledang] minta **MENTERI PELANCONGAN, SENI DAN BUDAYA** menyatakan pendirian atau dasar Kerajaan terhadap syarikat-syarikat dan agensi-agensi pelancongan yang melaksanakan pakej pelancongan ke Israel.

26. PR-1422-L05373

Dato' Seri Haji Abdul Hadi bin Awang [Marang] minta **MENTERI LUAR NEGERI** menyatakan apakah keputusan yang dipersetujui oleh Malaysia dalam Sidang Kemuncak Pertubuhan Kerjasama Islam (OIC) Sesi ke-14 di Arab Saudi pada 31 Mei 2019.

27. PR-1422-L04738
Dr. Kelvin Yii Lee Wuen [Bandar Kuching] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan langkah Kementerian yang telah diambil untuk menggalakkan syarikat-syarikat insurans untuk mengembangkan perlindungan insurans mereka untuk penyakit-penyakit mental seperti yang telah dilakukan baru-baru ini di Singapura.
28. PR-1422-L05448
Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu] minta **MENTERI KERJA RAYA** menyatakan :-
- (a) apakah tindakan pihak Kementerian dalam melaksanakan penyelenggaraan jalan raya lama yang sedia ada ketika melaksanakan projek Lebuh Raya Pan Borneo; dan
 - (b) apakah usaha Kementerian dalam memastikan keselamatan pengguna jalan raya terjamin ketika menggunakan jalan raya lama tersebut.
29. PR-1422-L04647
Dato' Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan bilakah Kementerian akan secara serius melihat serta menyelesaikan masalah sekian lama diharungi oleh Doktor Awam (GP) khususnya berkaitan '*Professional Fee Splitting*' oleh *Managed Care Organization/Third Party Administrator (MCO/TPA)* dan penyelarasan bayaran fi perubatan para doktor awam di klinik-klinik swasta dengan para doktor awam di hospital-hospital swasta yang tiada perubahan sejak 1997 lagi.
30. PR-1422-L05293
Puan Rubiah binti Haji Wang [Kota Samarahan] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan usaha-usaha memudahkan pemberian Bantuan Sara Hidup (BSH) kepada mereka yang layak terutamanya di kawasan luar bandar dan pedalaman.
31. PR-1422-L04782
Tuan Kesavan A/L Subramaniam [Sungai Siput] minta **MENTERI PEMBANGUNAN LUAR BANDAR** menyatakan berkaitan keperluan lampu jalan kampung di Sungai Siput kerana terdapat keperluan yang tinggi.
32. PR-1422-L04507
Dato' Sri Reezal Merican bin Naina Merican [Kepala Batas] minta **MENTERI PEMBANGUNAN USAHAWAN** menyatakan sasaran jangka pendek kejayaan sektor keusahawanan yang mampu dicapai oleh Dasar Keusahawanan Nasional (DKN).

33. PR-1422-L04349

Tuan Jonathan Yasin [Ranau] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan dengan tepat bilakah rakyat Sabah akan mendapatkan hak mereka ke atas hasil 40% hasil seperti yang diperuntukkan di bawah Perkara 112C dan item 2(b) Bahagian IV Jadual ke-10 Perlembagaan Persekutuan kerana sudah lebih 55 tahun rakyat Sabah menunggu pelaksanaan peruntukan Perlembagaan negara ini.

34. PR-1422-L04380

Dato' Sri Ismail Sabri bin Yaakob [Bera] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan pelabur asing Bursa Malaysia telah kehilangan RM200 bilion semenjak selapas PRU ke-15. Maklumkan sebabnya dan langkah pihak Kerajaan untuk mengatasinya.

35. PR-1422-L05191

Puan Nurul Izzah binti Anwar [Permatang Pauh] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan adakah Kementerian Kewangan bersedia mengambil kira keperluan meminda Akta KWAN sedia ada supaya akhirnya pelaburan dalam KWAN 1994 dapat mencapai impian sebuah tabung petroleum seperti yang dilakukan oleh Norway.

36. PR-1422-L04928

Datuk Zahidi bin Zainul Abidin [Padang Besar] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan :-

- (a) apakah tindakan Kementerian terhadap ahli lembaga pengarah syarikat yang salah guna kuasa dalam pengurusan yang turut membabitkan ahli lembaga pengarah lain tanpa pengetahuannya; dan
- (b) adakah ahli lembaga pengarah yang menjadi mangsa ini akan diberikan pelepasan terhadap tindakan undang-undang yang dikenakan.

37. PR-1422-L04453

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji [Jelutong] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan apakah tindakan susulan yang telah diambil oleh Lembaga Hasil Dalam Negeri terhadap Najib Tun Razak berkenaan jumlah cukai RM1.5 bilion yang terhutang kepada Lembaga Hasil Dalam Negeri, yang belum dibayar lagi.

38. PR-1422-L04687
Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan [Pontian] minta **MENTERI PEMBANGUNAN USAHAWAN** menyatakan senarai 50 syarikat PKS Bumiputera yang terbesar dan nilai jualan/keuntungan setahun dan senarai 50 syarikat PKS bukan Bumiputera yang terbesar dan nilai jualan/keuntungan. Apakah langkah-langkah berkesan untuk tambah jumlah PKS Bumiputera terutama di luar bandar.
39. PR-1422-L04495
Tuan Chan Ming Kai [Alor Setar] minta **MENTERI LUAR NEGERI** menyatakan perbandingan dan perbezaan dasar luar negeri antara Kerajaan Barisan Nasional dan Pakatan Harapan dari sudut:-
- (a) keseluruhan; dan
 - (b) hubungan dengan negara China, Jepun, India dan Amerika Syarikat dan semakan semula *Five Power Defence Arrangement* memandangkan UK semakin lemah dalam pertahanan.
40. PR-1422-L05472
Tuan Sabri bin Azit [Jerai] minta **MENTERI KERJA RAYA** menyatakan adakah Kementerian bersedia menambah persimpangan untuk U-Turn di sepanjang laluan Gurun – Jeniang bagi memudahkan penduduk sekitar melintas ke seberang jalan.
41. PR-1422-L05649
Datuk Zakaria bin Mohd. Edris @ Tubau [Libaran] minta **MENTERI PEMBANGUNAN LUAR BANDAR** menyatakan apakah status permohonan peruntukan naik taraf Jalan Kampung Dandulit dan minta supaya dapat mempercepatkan permohonan tersebut demi keselesaan rakyat.
42. PR-1422-L04541
Dato' Haji Ahmad Nazlan bin Idris [Jerantut] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan adakah Kerajaan akan mengumumkan pakej stimulasi kewangan bagi merangsangkan kembali ekonomi Malaysia yang semakin merundum semenjak Kerajaan Pakatan Harapan mengambil alih pentadbiran negara.
43. PR-1422-L04862
Dato' Seri Mahdzir bin Khalid [Padang Terap] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan memperincikan hutang terkini negara dalam bentuk peratusan dan nilai serta mengapakah berlaku peningkatan hutang negara yang mendadak dalam tempoh setahun.

44. PR-1422-L04844
Tuan Haji Awang bin Hashim [Pendang] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan faktor kenaikan hutang langsung Kerajaan daripada 50.1% kepada 51.2% berbanding KDNK pada tahun 2018.
45. PR-1422-L04681
Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan [Pontian] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan senarai aset-aset 1MDB dan nilai aset yang terkini seperti menurut Arul Kanda bekas CEO 1MDB, berjumlah RM43 bilion pada Mac 2018. Adakah Arul Kanda akan dibawa ke mahkamah kerana “bercakap bohong” kepada rakyat. Jika tidak dibawa ke mahkamah, nyatakan sebab-sebabnya.
46. PR-1422-L05390
Tuan Ahmad Tarmizi bin Sulaiman [Sik] minta **MENTERI PELANCONGAN, SENI DAN BUDAYA** menyatakan apakah perancangan Kementerian untuk memajukan ‘*Community Based Tourism*’ dalam konteks eko dan *agrotourism* di daerah Sik khususnya eksplorasi hutan dan Empangan Ulu Muda serta Tasik Beris.
47. PR-1422-L05374
Dato' Seri Haji Abdul Hadi bin Awang [Marang] minta **MENTERI KERJA RAYA** menyatakan apakah mekanisme Kerajaan bagi mengurangkan kadar tol dengan penurunan sehingga 20 peratus supaya cadangan bekas Pengerusi Majlis Penasihat Kerajaan, Tun Daim Zainuddin dapat dilaksanakan.
48. PR-1422-L05359
Datuk Seri Haji Ahmad bin Hamzah [Jasin] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan setakat manakah keberkesanan belanjawan Kerajaan berhubung Bajet 2019 yang mengunjurkan harga minyak mentah dunia pada tahap USD70 sedangkan hingga pertengahan Jun 2019 harga minyak dunia masih tidak sampai ke tahap yang diharapkan. Akibatnya “*compounded effect*” memberi kesan kepada pelaksanaan Kerajaan.
49. PR-1422-L05150
Dato' Syed Abu Hussin bin Hafiz Syed Abdul Fasal [Bukit Gantang] minta **MENTERI KERJA RAYA** menyatakan apakah langkah penyelesaian Kerajaan bagi Jalan Persekutuan (1) yang bermula daripada Susur Keluar Tol Taiping Utara, Perak menghala ke Simpang Empat, Taiping, Perak (dalam Parlimen Bukit Gantang) memandangkan keadaan jalan yang rosak dan tinggi rendah yang membahayakan keselamatan pengguna jalan raya.

50. PR-1422-L04362
Tuan Jonathan Yasin [Ranau] minta **MENTERI PEMBANGUNAN LUAR BANDAR** menyatakan adakah pihak Kementerian bersedia membantu keperluan dana untuk penduduk daerah Ranau yang banyak berkaitan keperluan untuk penambahbaikan dan/atau pembinaan sistem bekalan air bersih graviti untuk penduduk di daerah ini.
51. PR-1422-L04877
Datuk Haji Ahmad Jazlan bin Yaakub [Machang] minta **MENTERI PEMBANGUNAN LUAR BANDAR** menyatakan status kelulusan jambatan di Kampung Joh, Machang ke Kampung Belimbing, Tanah Merah yang merentasi Kelantan serta jalan luar bandar dari Kampung Sat ke Kampung Joh di Machang.
52. PR-1422-L05047
Tuan Sivakumar Varatharaju Naidu [Batu Gajah] minta **MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan usaha-usaha Kementerian dalam memperluaskan Skim Sewa Milik (*Rent to Own*) rumah di seluruh negara. Adakah skim sewa milik ini akan juga dilaksanakan di kawasan Parlimen Batu Gajah.
53. PR-1422-L04874
Datuk Haji Ahmad Jazlan bin Yaakub [Machang] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan apakah status pembelian Ibu Pejabat Sports Direct di United Kingdom yang dianggarkan bernilai GBP120 juta oleh Kumpulan Wang Simpanan Pekerja sewaktu Malaysia dikatakan bergelut dengan masalah ekonomi seperti yang dilaporkan oleh akhbar Berita Harian pada 27 Mei 2019.
54. PR-1422-L(5)00041
Tuan Cha Kee Chin [Rasah] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan apakah status terkini pemulangan balik Cukai Pendapatan dan Cukai Barangan dan Perkhidmatan (GST) kepada para pembayar yang gagal dilaksanakan oleh Kerajaan dulu.

[Pertanyaan di bawah PM.22(5)]

55. PR-1422-L05025
Dato' Sri Haji Abdul Rahman bin Mohamad [Lipis] minta **MENTERI KERJA RAYA** menyatakan polisi pengenaan tol dan kadar bayaran tol yang akan dikenakan oleh Kerajaan bagi Lebuhraya Persisiran Pantai Barat (WCE) Banting-Taiping Seksyen 8 dari persimpangan Hutan Melintang ke Teluk Intan yang telah dibuka pada Aidilfitri baru-baru ini.

56. PR-1422-L05351

Datuk Hajah Azizah binti Datuk Seri Panglima Haji Mohd Dun [Beaufort] minta **MENTERI PEMBANGUNAN LUAR BANDAR** menyatakan :-

- (a) apakah perancangan jangka masa pendek dan panjang bagi daerah-daerah yang diberikan tumpuan dalam program-program di bawah Kementerian Pembangunan Luar Bandar khususnya di Sabah; dan
- (b) apakah jenis-jenis program yang sedang dilaksanakan oleh Kementerian khususnya di negeri Sabah.

57. PR-1422-L04531

Tuan Haji Hasbi bin Haji Habibollah [Limbang] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan :-

- (a) bilakah Kementerian akan memulakan pembinaan blok pakar serta kelengkapannya di Hospital Limbang yang amat diperlukan oleh penduduk Limbang; dan
- (b) dapatkah Kementerian menempatkan seorang pakar operasi di Hospital Limbang sementara menunggu pembinaan blok pakar.

58. PR-1422-L05443

Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan apakah langkah-langkah Kerajaan dalam mengatasi masalah kejatuhan nilai mata wang Ringgit Malaysia yang semakin serius.

59. PR-1422-L05132

Tuan Arthur Joseph Kurup [Pensiangan] minta **MENTERI PEMBANGUNAN LUAR BANDAR** menyatakan status cadangan menaik taraf jalan ke Pamuntarian di daerah Nabawan.

60. PR-1422-L05142

Tuan Arthur Joseph Kurup [Pensiangan] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan bilakah kuarters yang baharu di Klinik Kesihatan Nabawan akan siap dibina dan boleh diguna oleh anggota klinik.

61. PR-1422-L04408

Dr. Azman bin Ismail [Kuala Kedah] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan jumlah pegawai perubatan yang telah tamat latihan siswazah tetapi belum mendapat penempatan di Kementerian Kesihatan. Apakah rancangan Kementerian dalam menyelesaikan isu doktor yang gagal mendapat jawatan tetap dengan Kementerian Kesihatan .

62. PR-1422-L04423
Dato' Sri Dr. Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar [Santubong] minta **MENTERI PELANCONGAN, SENI DAN BUDAYA** menyatakan jumlah kedatangan pelancong menurun dengan mendadak dan apa puncanya. Betulkah tahap langganan hotel (*occupancy rate*) menurun hingga 30% di seluruh negara semenjak 2018.
63. PR-1422-L04805
Dato' Mohd. Nizar bin Haji Zakaria [Parit] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan :-
- (a) adakah kemasukan Malaysia ke dalam Senarai Pemantauan Negara Manipulator Mata Wang oleh Jabatan Perbendaharaan Amerika Syarikat (AS) akan menonjolkan negara ini sebagai negara manipulator mata wang antarabangsa; dan
 - (b) apakah sebab serta punca utama negara Malaysia disenaraikan ke dalam Senarai Pemantauan Negara Manipulator Mata Wang.
64. PR-1422-L05611
Tuan Wong Chen [Subang] minta **MENTERI PEMBANGUNAN USAHAWAN** menyatakan sama ada Kementerian telah menjalankan audit kewangan dan harta intelek terhadap Aerodyne Group, mengenai projek kereta terbang pertama negara yang dipromosikan oleh Kementerian. Jika ya, sila terbitkan keputusan audit tersebut.
65. PR-1422-L05630
Dato' Johari bin Abdul [Sungai Petani] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan apakah usaha-usaha jangka pendek dan jangka panjang bagi memastikan nilai Ringgit kembali kukuh jika dibandingkan dengan negara jiran seperti Thailand dan Singapura.
66. PR-1422-L05306
Tuan Wong Ling Bui [Sarikei] minta **MENTERI PELANCONGAN, SENI DAN BUDAYA** menyatakan adakah Kementerian bercadang untuk mempromosikan pelancongan kapal pelayaran di Sarawak, Sabah dan Semenanjung Malaysia.
67. PR-1422-L05605
Tuan Wong Chen [Subang] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan justifikasi mengenai peningkatan cukai rokok dalam dasar kementerian selari dengan standard yang telah ditetapkan oleh *Framework Convention on Tobacco Control* (FCTC).

68. PR-1422-L05148

Dato' Haji Mohd Fasih bin Haji Mohd Fakeh [Sabak Bernam] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan apakah langkah Kementerian bagi menyekat wabak penyakit cacar monyet (*Monkeypox*) yang telah menyerang Batam, Indonesia dan Singapura tidak akan merebak ke negara ini.

69. PR-1422-L05621

Datuk Wira Hajah Mas Ermieyati binti Samsudin [Masjid Tanah] minta **MENTERI PELANCONGAN, SENI DAN BUDAYA** menyatakan perincian statistik sindiket pelancongan skim piramid yang mengakibatkan kerugian jumlah yang besar dalam kalangan mangsa termasuklah pakej umrah.

70. PR-1422-L04420

Dato' Sri Dr. Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar [Santubong] minta **MENTERI PEMBANGUNAN LUAR BANDAR** menyatakan apakah perkembangan pembinaan jalan raya di Semilang/Beradek/Tiang Api yang berjumlah RM45 juta dan pembinaan saluran paip dari Batu Kitang, Kuching ke Kawasan Tasik Biru, Lundu dan Sematan dengan bajet RM127 juta yang dilulus pada tahun 2017.

71. PR-1422-L05557

Tuan Oscar Ling Chai Yew [Sibul] minta **MENTERI KERJA RAYA** menyatakan bilakah projek menaik taraf Jalan Tunku Abdul Rahman yang merupakan satu-satu jalan yang menghubungkan pekan Sibul kepada lapangan terbang Sibul akan dijalankan. Keadaan jalan itu sudah teruk dan mengakibatkan banyak kemalangan jalan raya berlaku di sana.

72. PR-1422-L04699

Tuan Lim Lip Eng [Kepong] minta **MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan sebab-sebab kegagalan Dasar Pengasingan Sisa Pepejal dan bagaimana Kementerian mengatasi masalah ini.

73. PR-1422-L04357

Tuan Steven Choong Shiau Yoon [Tebrau] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan mengemukakan jadual dan jenis kerja naik taraf atau penyelenggaraan hospital-hospital besar di Johor memandangkan banyak komen-komen negatif terhadap keadaan hospital-hospital besar di Johor.

74. PR-1422-L04789
Tuan Kesavan A/L Subramaniam [Sungai Siput] minta **MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan cadangan bagi membina rumah mampu milik untuk masyarakat setempat terutama golongan di bawah B40.
75. PR-1422-L04419
Dato' Sri Hajah Rohani binti Haji Abdul Karim [Batang Lupar] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan apakah langkah yang sedang diambil untuk menyegerakan proses pelaksanaan '*Gender Responsive Budgeting*' secara substantif dalam pengolahaan belanjawan negara secara berkesan melalui satu pelan menyeluruh di semua peringkat kerajaan iaitu peringkat pusat, negeri dan Kerajaan tempatan.
76. PR-1422-L05189
Puan Nurul Izzah binti Anwar [Permatang Pauh] minta **MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan apakah langkah yang bakal diambil Kementerian untuk memastikan penduduk di perumahan penjawat awam serta golongan B40 yang menetap di Seberang Prai tidak tertindas oleh peningkatan cukai pintu susulan daripada pengumuman naik taraf kawasan ini kepada status bandar raya.
77. PR-1422-L04731
Dr. Kelvin Yii Lee Wuen [Bandar Kuching] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan berkenaan pelan Kementerian untuk memperkenalkan kawalan harga ubat-ubatan dan apakah mekanisme penentuan harga yang akan diguna pakai.
78. PR-1422-L04587
Datuk Robert Lawson Chuat [Betong] minta **MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan adakah Kerajaan masih menyediakan peruntukan untuk disalurkan kepada Majlis-Majlis Daerah di Sarawak bagi menyediakan tong-tong sampah untuk setiap isi rumah.
79. PR-1422-L05738
Tuan Ma'mun bin Sulaiman [Kalabakan] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan apakah perancangan Kementerian untuk menambah jumlah klinik-klinik desa dan menaik taraf klinik-klinik kesihatan sedia ada yang berkeadaan usang dan kurang selesa di seluruh kawasan Kalabakan sejajar dengan pertambahan penduduk dan yang paling utama akses perkhidmatan perubatan kepada masyarakat dapat disediakan dengan lebih mudah dan efisien.

80. PR-1422-L05751
Dato' Seri Ahmad Faizal bin Dato' Azumu [Tambun] minta **MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan sekiranya Kementerian sedang berusaha untuk menyelesaikan masalah rumah PR1MA yang telah siap dibina tetapi gagal dijual.
81. PR-1422-L05400
Dr. Nik Muhammad Zawawi bin Haji Salleh [Pasir Puteh] minta **MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan statistik terkini pekerja asing yang sah berdaftar mengikut pecahan negara serta apakah bentuk kawalan dan penguatkuasaan ke atas warga asing yang semakin berleluasa kini telah menjadi "tauke" perniagaan termasuklah kedai runcit dan keperluan harian masyarakat.
82. PR-1422-L05023
Dato' Sri Haji Abdul Rahman bin Mohamad [Lipis] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan usaha Kerajaan bagi mengurangkan kos sara hidup rakyat sekiranya beberapa cukai baru dan levi pelepasan ke luar negara diperkenalkan.
83. PR-1422-L05277
Tuan Mordi Bimol [Mas Gading] minta **MENTERI PEMBANGUNAN LUAR BANDAR** menyatakan secara jelas adakah pembinaan Jambatan Selampit yang dicadangkan bernilai RM30 juta dan Jalan Kampung Kendaie sepanjang 9km akan dilaksanakan pada tahun 2019.
84. PR-1422-L04827
Tan Sri Datuk Seri Panglima Haji Annuar bin Haji Musa [Ketereh] minta **MENTERI LUAR NEGERI** menyatakan apakah pendirian berkaitan dasar mengenai penggunaan bahasa perwakilan Malaysia di Sidang Antarabangsa.
85. PR-1422-L05048
Tuan Sivakumar Varatharaju Naidu [Batu Gajah] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan semua bantuan dan faedah yang diterima oleh golongan B40. Sejauh manakah program-program yang dilaksanakan oleh Kerajaan menunjukkan keberkesanan dalam membantu golongan bersasar dari segi pembangunan sosioekonomi serta keselamatan dan kesejahteraan hidup.

86. PR-1422-L05552
Datuk Seri M. Saravanan [Tapah] minta **MENTERI PEMBANGUNAN USAHAWAN** menyatakan apakah bentuk bantuan yang telah diberikan oleh Kementerian bagi membantu perusahaan kecil dan sederhana (PKS) menguasai penggunaan teknologi maklumat dan komunikasi (ICT) dalam perniagaan.
87. PR-1422-L04835
Tuan Larry Soon @ Larry Sng Wei Shien [Julau] minta **MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan bilangan syarikat tempatan yang terlibat menerima sisa plastik tercemar dari luar negara dan apakah tindakan yang akan diambil terhadap syarikat-syarikat tersebut.
88. PR-1422-L05177
Tuan Shahrizukirnain bin Abd. Kadir [Setiu] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan adakah Kementerian bercadang untuk mengharamkan penggunaan "*polisterine*" sebagai bekas makanan dan minuman dan sejauh manakah penggunaan bahan tersebut membahayakan kesihatan pengguna.
89. PR-1422-L04638
Datuk Seri Dr. Adham bin Baba [Tenggara] minta **MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan apakah langkah yang dilakukan oleh Kerajaan bagi menangani masalah pengeksport atau pengimport sisa yang mendokumenkan sampah sebagai sisa kitar semula walaupun hakikatnya ia adalah sisa yang tidak boleh dikitar semula.
90. PR-1422-L05540
Dato' Sri Ikmal Hisham bin Abdul Aziz [Tanah Merah] minta **MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan apakah tindakan dilakukan Kementerian bagi membendung tindakan syarikat tempatan membawa masuk dan memproses sisa plastik sehingga menjejaskan alam sekitar di negara ini.

ATURAN URUSAN MESYUARAT DAN USUL-USUL

1. **Perdana Menteri** akan mencadangkan :-

"Bahawa Dewan ini membuat ketetapan di bawah Seksyen 10, Jadual Ketiga Belas, Perlembagaan Persekutuan bahawa draf bagi Perintah Perlembagaan Persekutuan (Persempadanan Bahagian-Bahagian Pilihan Raya) (Negeri Sabah) 2019, (Kertas Statut ST.112 Tahun 2019), yang telah dibentangkan dalam Dewan ini pada 8 Julai 2019 bersama dengan laporan Suruhanjaya Pilihan Raya bertarikh 14 Februari 2017 mengenai Kajian Semula Persempadanan Mengenai Syor-Syor Yang Dicapadangkan Bagi Bahagian-Bahagian Pilihan Raya Persekutuan Dan Negeri Di Dalam Negeri Sabah Kali Keenam Tahun 2017, (Kertas Statut ST.111 Tahun 2019), dan yang akan dibuat di bawah Seksyen 12, Jadual Ketiga Belas, Perlembagaan Persekutuan untuk menguatkuasakan syor-syor yang terkandung dalam laporan tersebut, adalah diluluskan"

2. (D.R 22/2019) Rang Undang-Undang Penyemakan Undang-Undang (Pindaan) 2019 **Bacaan Kali Yang Kedua**

[Perdana Menteri]

3. (D.R 23/2019) Rang Undang-Undang Mata Wang 2019 "

[Menteri Kewangan]

4. (D.R 24/2019) Rang Undang-Undang Bank Negara Malaysia (Pindaan) 2019 "

[Menteri Kewangan]

5. **Menteri Kewangan** akan mencadangkan :-

"Bahawa mengikut peruntukan perenggan 4(b) Akta Pendanaan Kerajaan 1983 [Akta 275], mengambil ketetapan supaya Kerajaan memindahkan sebanyak RM22,000 juta wang terimaan Terbitan Pelaburan Kerajaan Malaysia (MGII) di bawah seksyen 3(1) Akta yang sama ke Kumpulan Wang Pembangunan yang dinyatakan dalam Jadual Kedua Akta Tatacara Kewangan 1957 [Akta 61] bagi maksud Kumpulan Wang tersebut."

6. **Menteri Kewangan** akan mencadangkan :-

"Bahawa Dewan ini mengambil ketetapan iaitu menurut kuasa yang ditetapkan padanya oleh subseksyen 11(2) Akta Kastam 1967 supaya Perintah Duti Kastam yang dibentangkan di hadapan Majlis ini sebagai kertas statut, bilangan ST.106, ST.107 dan ST.108 bagi tahun 2019 disahkan."

7. PR-1422-U(27)050

Datuk Seri Ir. Dr. Wee Ka Siong [Ayer Hitam] akan mencadangkan :-

"Bahawa Dewan Rakyat ini menggesa Kerajaan supaya membentangkan laporan mengenai tindakan-tindakan yang akan diambil daripada cadangan-cadangan penstrukturan semula dan pelan pemulihan terhadap syarikat penerbangan negara, Malaysia Airlines Berhad (MAB). Memandangkan MAB merupakan satu entiti perniagaan yang telah sekian lama menjadi kebanggaan dan maruah negara, maka adalah penting bagi rakyat Malaysia untuk mengetahui usaha-usaha penambahbaikan serta pembaharuan yang konstruktif dan menyeluruh yang dicadangkan dalam usaha memulihkan semula masa depan MAB. "

[Perdana Menteri]

8. PR-1422-U(27)051

Datuk Seri Ir. Dr. Wee Ka Siong [Ayer Hitam] akan mencadangkan :-

"Bahawa Dewan Rakyat ini menggesa Kerajaan supaya memaparkan Laporan Khas mengenai pelaksanaan projek tambakan laut di perairan selatan Pulau Pinang (PSR) yang dirangka menerusi Pelan Induk Pengangkutan (PIP) serta mengemukakan laporan mengenai tindakan-tindakan yang telah diambil daripada 18 nasihat oleh Majlis Perancangan Fizikal Negara (MPFN) dan ulasan jabatan teknikal yang berkaitan bagi memastikan pelaksanaan projek itu selari dengan Seksyen 2A(2)(b) Akta Perancangan Bandar dan Desa 1976. Berlandaskan prinsip ketelusan dan akauntabiliti, adalah menjadi keperluan kepada Kerajaan untuk mengemukakan laporan ini memandangkan projek ini memberikan implikasi yang besar terhadap alam sekitar, sosial dan kewangan."

[Menteri Perumahan Dan Kerajaan Tempatan]

9. PR-1422-U(27)052

Datuk Seri Ir. Dr. Wee Ka Siong [Ayer Hitam] akan mencadangkan :-

"Bahawa Dewan Rakyat menggesa Kerajaan memberi penjelasan terhadap laporan pelaksanaan Pelan Perpaduan, Kesepaduan dan Penyatupaduan Malaysia di bawah Majlis Konsultasi Perpaduan Negara (MKPN) yang dilancarkan pada Oktober 2018 dalam memperkasakan keharmonian masyarakat majmuk di Malaysia dengan mewujudkan pendekatan yang bersifat lebih holistik dan inklusif sekaligus membawa kepada pemahaman yang lebih baik antara komuniti yang berbeza serta mewujudkan kesepaduan sosial dan perpaduan negara yang lebih baik. Kerajaan perlu membentangkan serta membentuk ruang perbincangan dengan segera apakah syor yang disarankan melalui pelan ini benar-benar efektif dalam mengukuhkan jalinan perpaduan di negara ini."

[Perdana Menteri]

10. PR-1422-U(27)053

Datuk Seri Ir. Dr. Wee Ka Siong [Ayer Hitam] akan mencadangkan :-

"Bahawa Dewan Rakyat menggesa Kerajaan memberi perhatian terhadap pembangunan dan meningkatkan taraf sosioekonomi masyarakat Orang Asli, seperti yang termaktub dalam Janji 38, Manifesto PH iaitu Membela Nasib Orang Asal di negara ini. Kerajaan perlu membentangkan cadangan Pelan Pembangunan Masyarakat Orang Asli Nasional bagi menangani isu utama dihadapi masyarakat Orang Asli di negara ini dan adalah kemestian bagi Kerajaan memastikan setiap gerak kerja dan usaha pembangunan yang dilaksanakan Kerajaan terhadap Orang Asli ini adalah sejajar dengan Pendekatan Berasaskan Hak Asasi Manusia (PBHAM). Ini adalah supaya setiap program pembangunan dan kebijakan yang dirancang mampu memberi faedah yang lebih menyeluruh kepada masyarakat Orang Asli di samping tidak mengenenpikan kepentingan dan memelihara perkara asas berkaitan mereka melalui prinsip IMABT (Keizinan Berasaskan Makluman, Awal, Bebas dan Telus)."

[Perdana Menteri]

11. PR-1422-U(27)054

Datuk Seri Ir. Dr. Wee Ka Siong [Ayer Hitam] akan mencadangkan :-

"Agar institusi Parlimen menetapkan supaya satu Jawatankuasa Pilihan Khas ditubuhkan bagi meneliti semua pandangan rakyat Malaysia mengenai langkah Kerajaan untuk memansuhkan hukuman mati dalam 32 kesalahan melibatkan lapan perundangan negara atau yang terkini mungkin hanya memansuhkan hukuman mandatori sahaja."

"Dalam semangat Malaysia Baharu selepas 9 Mei, ianya menjadi satu tanggungjawab Kerajaan agar dapat menghormati pandangan setiap lapisan rakyat Malaysia terutamanya mengenai perkara memansuhkan hukuman mati yang juga melibatkan nyawa masyarakat termasuk perasaan keluarga mangsa atau keluarga tahanan hukuman mati."

"Sekiranya pandangan rakyat ini tidak diteliti, Kerajaan Pakatan Harapan akan dilihat sebagai menafikan hak kebebasan bersuara mereka. Kerajaan juga perlu menyatakan pendirian dengan jelas, apakah alternatif lain yang akan diganti selepas pemansuhan hukuman mati ini dilaksanakan dan apakah ia mampu dijadikan sebagai langkah pencegahan atau sebaliknya. Kerajaan Pakatan Harapan perlu sedar bahawa kejayaan mereka menjadi Kerajaan hari ini adalah disebabkan kuasa dan suara rakyat."

[Perdana Menteri]

12. PR-1422-U(27)055

Datuk Seri Ir. Dr. Wee Ka Siong [Ayer Hitam] akan mencadangkan :-

"Dewan ini menyeru agar Kerajaan dapat mendengar suara rakyat dan seterusnya membatalkan cadangan projek kereta nasional ketiga yang dijadualkan pelaksanaannya pada tahun 2020. Menteri Kewangan telah memberi jaminan pada Ogos 2018 bahawa projek kereta nasional ketiga tidak akan menggunakan wang rakyat. Namun, Menteri Pembangunan Usahawan telah mengumumkan peruntukan dana sebanyak RM20 juta pada Januari 2019 bagi membangunkan prototaip kereta nasional ketiga. Kos penyelidikan dan pembangunan (R&D) dan juga penghasilan kereta nasional ketiga melibatkan pelaburan berbilion-bilion ringgit. Walaupun projek ini dimajukan oleh syarikat berkaitan kerajaan (GLC) seperti SilTerra Malaysia Sdn. Bhd., ianya secara tidak langsung melibatkan wang rakyat kerana SilTerra Malaysia Sdn. Bhd. adalah milik Khazanah Nasional. Memandangkan situasi ekonomi negara yang tidak menentu, projek kereta nasional ketiga akan membebankan Kerajaan dan rakyat (khususnya pembeli kereta) sekiranya projek ini diteruskan. Adalah disarankan agar projek kereta nasional ketiga dibatalkan demi menjimatkan wang rakyat."

[Perdana Menteri]

13. PR-1422-U(27)056

Datuk Seri Ir. Dr. Wee Ka Siong [Ayer Hitam] akan mencadangkan :-

"Menurut laporan media Sin Chew Daily bertarikh 19 Ogos 2018, Ketua Strategi PPBM Rais Hussin yang merupakan Pengerusi Jawatankuasa Penggubalan Manifesto Pakatan Harapan sebelum PRU14 telah mengumumkan bahawa semasa Buku Harapan (Manifesto PH untuk PRU14) dirangka, pra-syarat untuk menilai pengiktirafan Sijil Peperiksaan Bersepadu (Unified Examination Certificate–UEC) adalah kelulusan dalam 4 mata pelajaran iaitu Bahasa Melayu, Sejarah, Matematik dan Sains di peringkat SPM."

"Akan tetapi, Kementerian Pendidikan setakat ini tidak pernah menjelaskan perkara tersebut yang banyak menimbulkan kekeliruan dan ianya berlainan nada dengan apa yang dijanjikan oleh Pakatan Harapan semasa PRU14, iaitu UEC dapat diiktiraf hanya dengan memperolehi kepujian dalam mata pelajaran Bahasa Melayu di peringkat SPM."

"Mantan Menteri Pelajaran iaitu Ahli Parlimen Pagoh telah mengarahkan semua universiti awam tempatan untuk menambah satu syarat am bagi kemasukan ke universiti awam iaitu sekurang-kurangnya lulus dalam mata pelajaran Sejarah di peringkat SPM memandangkan mata pelajaran Sejarah telah menjadi mata pelajaran wajib lulus dalam SPM. Ini bermakna tanpa lulus mata pelajaran Sejarah di peringkat SPM, seseorang calon itu tidak boleh memperolehi sijil SPM. Arahan tersebut berkuatkuasa sejak tahun 2013."

“Dewan ini mendesak Kementerian Pendidikan untuk menjelaskan sama ada mata pelajaran Sejarah, Matematik dan Sains di peringkat SPM masih diambil kira sebagai pra-syarat pengiktirafan UEC seperti yang dikatakan oleh Rais Hussin. Sekiranya kenyataan Rais Hussin itu benar, maka Lembaga Peperiksaan Malaysia (LPM) perlu melakukan penyelarasan dasar baru bagi mengatasi kekangan syarat kemasukan pelajar UEC ke universiti awam tempatan. Kementerian Pendidikan mesti mempunyai pendirian yang jelas dalam perkara ini dan tidak boleh berdolak-dalik.”

“Selaras dengan manifesto Pakatan Harapan, Kementerian Pendidikan harus memberi pengiktirafan segera ke atas pelajar UEC seperti mana yang dijanjikan oleh YB Kulai merangkap Timbalan Menteri Pendidikan semasa berkempen di PRU 14 dan dalam rakaman video beliau pada 9 April 2018 yang dimuat naik ke “Youtube”, di mana beliau mengatakan Pakatan Harapan sudah mempunyai “hitam putih” untuk mengiktiraf UEC sebaik sahaja Pakatan Harapan menjadi Kerajaan.”

[Menteri Pendidikan]

14. PR-1422-U(27)057

Datuk Seri Ir. Dr. Wee Ka Siong [Ayer Hitam] akan mencadangkan :-

"Dewan ini menyeru agar Kerajaan dapat meneruskan projek pembinaan 10 buah SJKC baru dan perpindahan 6 buah SJKC kurang murid yang telah diluluskan oleh Kerajaan pada 26 Oktober 2017, termasuk mengekalkan 10 nama sekolah baru yang telah diluluskan."

“Kerajaan sepatutnya menyiapkan projek tersebut dalam masa 5 tahun dengan peruntukan RM20 juta setiap tahun (jumlah keseluruhannya RM100 juta) seperti yang telah dijanjikan oleh Kerajaan terdahulu.”

“Tetapi malangnya, pelaksanaan projek tersebut agak lambat dan tiada perkembangan yang signifikan. Dengan itu, mengharapkan Dewan ini mengambil maklum perkara ini dan mendesak Kerajaan Pakatan Harapan mempercepatkan proses pembinaan 10 buah SJKC baru dan perpindahan 6 buah SJKC kurang murid ke kawasan yang lebih padat penduduk Cina.”

“Seperti yang dijanjikan oleh YB Menteri Pendidikan pada 28 Jun 2018, SJKC Kuek Ho Yao di Seri Austin, Johor Bahru dan SJKC Sim Mow Yu di Masai, Johor akan tetap didirikan memandangkan upacara pecah tanah sekolah telah disempurnakan pada tahun 2018, iaitu sebelum PRU 14. Maka, Kementerian Pendidikan sepatutnya rasa terpanggil untuk menyalurkan peruntukan sekurang-kurangnya RM7 juta untuk menanggung kos pembinaan setiap SJKC yang dinamakan di atas.”

[Menteri Pendidikan]

15. PR-1422-U(27)058

Datuk Seri Ir. Dr. Wee Ka Siong [Ayer Hitam] akan mencadangkan :-

"Dewan ini menggesa Kerajaan supaya dapat memberikan peruntukan yang sama rata kepada Ahli Parlimen tanpa mengira fahaman politik. Ini kerana, Ahli Parlimen Kerajaan di Semenanjung Malaysia telah diberi peruntukan sebanyak RM1,000,000 iaitu RM300,000 untuk operasi Pusat Khidmat dan RM700,000 bagi peruntukan kawasan pada tahun 2018. Manakala tahun 2019, Ahli Parlimen Kerajaan diperuntukkan RM1,800,000 iaitu RM300,000 untuk operasi Pusat Khidmat dan RM1,500,000 bagi peruntukan kawasan. Sementara Ahli Parlimen pembangkang hanya diberikan RM100,000 sahaja bagi tahun 2018 dan tidak menerima apa-apa peruntukan untuk tahun 2019. Ini merupakan satu bentuk diskriminasi yang amat ketara."

"Gesaan ini selari dengan semangat 'Malaysia Baharu' dan hasrat badan bebas (NGO) seperti BERSIH yang mahu memastikan tiada istilah diskriminasi dalam negara dan semua pengundi harus dilayan dengan adil dan saksama. Malah, perkara ini juga diperjuangkan oleh pemimpin Kerajaan hari ini ketika bergelar pembangkang suatu ketika dahulu. Dalam masa sama, semangat 'Malaysia Baharu' ini juga yang menuntut kesuburan demokrasi. Prinsip keadilan ini akan dijadikan sebagai penanda aras dan seterusnya diteladani oleh Kerajaan negeri yang lain di Malaysia tanpa mengira parti mana yang memerintah."

[Perdana Menteri]

16. PR-1422-U(27)059

Tuan Mohd Shahar bin Abdullah [Paya Besar] akan mencadangkan :-

"Bahawa Dewan Rakyat menggesa Kerajaan untuk membentangkan perancangan jangka masa panjang yang menyeluruh dalam memastikan setiap dasar dan polisi Kerajaan di semua peringkat mempunyai tahap kefahaman mengenai institusi raja atau raja berpelembagaan yang kukuh seterusnya menyemai kefahaman yang sebenar dalam kalangan rakyat di negara ini. Sejak kebelakangan ini banyak kekeliruan berlaku khususnya dalam kalangan anak-anak muda berkenaan dengan bagaimana kuasa institusi raja diamalkan dan ramai dibesarkan dengan fahaman bahawa Raja Melayu bertindak atas nasihat sebenarnya tidak memahami maksud sebenar. Perkataan nasihat itu sering disalah erti kerana perkataan dalam perlembagaan dalam versi Bahasa Inggeris, kita guna "*advice*" yang membawa maksud perkara yang baik-baik. Ia adalah bertentangan kepada perkataan "*vice*". Raja juga perlu menerima nasihat yang baik-baik. Ini kerana dalam perlembagaan diberikan hak kepada raja-raja untuk meminta maklumat daripada Kerajaan tentang institusi semasa negeri."

Baginda berhak. Perkara tersebut ada ditulis dalam perkara 40 (1) walaupun bertindak atas nasihat tetapi baginda mempunyai hak untuk mengetahui tentang hal ehwal semasa negeri. Selain itu terdapat polemik berkaitan istilah raja sebagai simbol. Apabila simbol, raja perlu bertindak atas nasihat tanpa mengambil kira peruntukan dalam perlembagaan yang memberikan kuasa budi bicara yang mutlak kepada raja-raja. Maknanya ada lagi ciri-ciri yang dikatakan budi bicara kepada raja itu. Dalam Perkara 181 Perlembagaan Persekutuan menyebut kedaulatan raja adalah kekal sebagaimana sebelum ini. Apabila menyatakan raja-raja itu mempunyai kedaulatan, baginda mempunyai kuasa dan kekuasaan. Perkataan kedaulatan itu menyatakan tentang ada kedaulatan, kuasa dan kekuasaan. Kalau ada kedaulatan tetapi perlembagaan tidak memberikan baginda kuasa, maka tidak ada kekuasaan dan ia tidak bererti. Tetapi, raja berpelembagaan walaupun bertindak dalam kebanyakan perkara atas nasihat tetapi ada ruang-ruang diberikan kepada baginda menerusi perlembagaan. Apabila telah mantap dengan asas kenegaraan ini, baharulah institusi raja berpelembagaan dapat difahami dengan mantap. Institusi beraja ini tidak boleh dibicarakan secara bermusim, ia perlu setiap masa dan dihayati oleh setiap rakyat. "

[Perdana Menteri]

17. PR-1422-U(27)060

Tuan Mohd Shahar bin Abdullah [Paya Besar] akan mencadangkan :-

"Bahawa Dewan Rakyat menggesa Kerajaan untuk membentangkan secara menyeluruh dan terperinci berkenaan Laporan Rumusan Jawatankuasa Eksekutif Penilaian Operasi LYNAS yang telah dikeluarkan pada 8 Disember 2018 yang lalu. Pembentangan ini amat penting supaya rakyat memahami dengan jelas apakah yang telah diputuskan oleh Jawatankuasa tersebut untuk tindakan seterusnya. Laporan ini juga sekaligus akan meleraikan setiap kenyataan-kenyataan anggota pentadbiran Kerajaan dan pelbagai pihak berkepentingan yang bercanggah dan mengelirukan. Laporan rumusan ini juga akan menjadi rujukan utama untuk platform analisis bagi semakan sama ada tindakan Kementerian berhubung operasi LYNAS selari dengan kandungan rumusan laporan tersebut."

[Menteri Tenaga, Sains, Teknologi, Alam Sekitar Dan Perubahan Iklim]

18. PR-1422-U(27)061

Tuan Mohd Shahar bin Abdullah [Paya Besar] akan mencadangkan :-

"Bahawa Dewan Rakyat menggesa Kerajaan menyatakan pendirian terhadap desakan antarabangsa yang berterusan kepada Malaysia untuk menandatangani dan meratifikasi semua perjanjian antarabangsa mengenai hak asasi manusia Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB). Kerajaan tanpa campur tangan kuasa asing perlu mempunyai pendirian yang jelas

dan tidak bercelaru kerana setiap negara mempunyai hak sama ada untuk turut serta atau sebaliknya dalam setiap perjanjian antarabangsa kerana tidak kira kuasa besar atau kecil, keutamaan negara individu adalah berbeza diantara satu sama lain. Menjadi prinsip kebanyakan negara terutamanya kuasa besar dunia akan hanya mengesahkan perjanjian antarabangsa jika ia tidak menongkah arus kehendak Perlembagaan sesuatu negara iaitu kepentingan rakyat dan negara mereka diutamakan. Dalam hal ini, Perlembagaan Persekutuan harus dijadikan rujukan utama buat Malaysia dalam membuat apa-apa keputusan. Seperti mana keenganan negara-negara kuasa besar dunia mengesahkan perjanjian-perjanjian hak asasi ini perlu dijadikan perhatian oleh Kerajaan Malaysia kerana asas utama keenganan negara-negara besar ini ialah mereka amat khuatir konvensyen tersebut akan menghakis kedaulatan negara mereka. Pendirian berkenaan perjanjian antarabangsa memerlukan kefahaman tentang pemakian undang-undang antarabangsa dalam sistem perundangan Malaysia. Pemahaman terhadap teori penerimaan dan pemakaian undang-undang antarabangsa dalam suatu negara iaitu Doktrin Diperbadankan (*Doctrine of Incorporation*) dan Doktrin Transformasi (*Doctrine of Transformation*) perlu jelas dan difahami secara mendalam terlebih dahulu. Perkara 74 dan Jadual Kesembilan Perlembagaan Persekutuan memberikan kesan bahawa kuasa untuk membuat atau menandatangani dan meratifikasi triti atau perjanjian di peringkat antarabangsa adalah terletak di bawah bidang kuasa Persekutuan. Ia juga menunjukkan bahawa Badan Eksekutif mempunyai kuasa untuk membuat perjanjian antarabangsa atau menandatangani apa-apa perjanjian antarabangsa, manakala kuasa untuk menguatkuasakan undang-undang antarabangsa tersebut adalah terletak hak kepada Parlimen. Prinsip yang harus Kerajaan nyatakan dengan jelas adalah kedaulatan negara dan kepentingan rakyat masing-masing mesti didahulukan walaupun negara terbabit akan dituduh sebagai tidak menghormati suara majoriti masyarakat antarabangsa."

[Menteri Luar Negeri]

19. PR-1422-U(27)062

Tuan Mohd Shahr bin Abdullah [Paya Besar] akan mencadangkan :-

"Bahawa Dewan Rakyat menggesa Kerajaan mewujudkan dasar yang jelas serta dan polisi yang lengkap berkenaan menetapkan harga lantai bagi sektor komoditi di negara ini. Kerajaan perlu mempunyai mekanisme yang kukuh dalam menstabilkan harga sektor komoditi di negara ini yang merangkumi industri sawit, industri getah, industri koko, industri lada dan industri tembakau. Dengan melaksanakan penetapan harga subsidi atau harga lantai bagi setiap industri komoditi ini akan memastikan nasib peneroka dan pekebun kecil terbela melalui jaminan harga industri yang jelas dan kukuh pada setiap masa. Kerajaan harus menggunakan semua platform seperti agensi Lembaga Getah Malaysia, Lembaga Minyak Sawit Malaysia, Lembaga Koko Malaysia, Lembaga Lada Malaysia, Lembaga Kenaf dan Tembakau Negara serta agensi-agensinya antarabangsa yang memainkan peranan besar dalam menyelaras sektor komoditi. Kerajaan

juga perlu menyediakan pelan-pelan sokongan dan bantuan bagi jangka masa panjang bagi memastikan mereka yang terlibat terutamanya peneroka dan pekebun kecil tidak terjejas dan tidak terlalu bergantung kepada harga pasaran dunia."

[Menteri Industri Utama]

20. PR-1422-U(27)063

Tuan Mohd Shahr bin Abdullah [Paya Besar] akan mencadangkan :-

"Bahawa Dewan Rakyat menggesa Kerajaan menubuhkan sebuah jawatankuasa bagi mengkaji dan membentangkan perancangan model pendidikan jangka masa panjang menyeluruh yang akan menyelesaikan masalah polarisasi kaum yang semakin menebal dalam kalangan anak muda di negara ini. Model pendidikan jangka masa panjang ini perlu merangkumi keseluruhan aspek pembelajaran termasuk komponen subjek akademik, komponen kerohanian dan komponen etnik tanpa membelakangi peruntukkan yang terkandung dalam Perlembagaan Persekutuan dan semangat Rukun Negara. Masalah polarisasi akaun akan dilihat semakin serius jika perancangan ini tidak dilakukan segera. Apabila model pendidikan daripada peringkat awal pembelajaran tidak dapat mencapai tahap toleransi semua kaum dan semangat kenegaraan semakin lemah dalam kalangan anak muda, potensi untuk membangunkan negara bangsa mengikut acuan kita sendiri akan terencat dan keharmonian serta kesejahteraan negara juga akan terancam."

[Menteri Pendidikan]

21. PR-1422-U(27)047

Tuan Fong Kui Lun [Bukit Bintang] akan mencadangkan :-

"mencadangkan Kerajaan supaya mempergiatkan usaha untuk menyatupadukan rakyat berbilang kaum di Malaysia yang kelihatan masih lemah dan longgar meskipun negara telah menjadi negara merdeka dan berdaulat sejak 61 tahun lalu supaya mereka boleh hidup dengan aman dan saling memerlukan serta memahami bagi memudahkan mereka membangunkan ekonomi negara secara bersama dan merealisasikan Impian Negaraku Malaysia Baharu selepas PRU-14."

[Perdana Menteri]

22. PR-1422-U(27)048

Tuan Fong Kui Lun [Bukit Bintang] akan mencadangkan :-

"memulihkan pilihan raya Kerajaan Tempatan seluruh negara supaya urus tadbir Kerajaan menjadi lebih cekap, akauntabiliti dan bersih dengan mengambil langkah pertama untuk membuat kajian serius dan melakukan pungutan suara antara rakyat."

[Menteri Perumahan Dan Kerajaan Tempatan]

23. PR-1422-U(27)049

Tuan Khoo Poay Tiong [Kota Melaka] akan mencadangkan :-

"Bahawa Dewan ini bersetuju untuk menubuhkan sebuah Jawatankuasa Pilihan Khas Parlimen (JPKP) mengenai Pilihan Raya, supaya JPKP tersebut boleh menyiasat aduan mengenai salah laku-salah laku bekas ahli-ahli Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR) dalam pilihan raya umum yang lepas; dan Parlimen mempunyai sebuah platform bebas tersendiri untuk memantau dan menerima laporan daripada SPR secara berterusan."

[Perdana Menteri]

**RISALAT-RISALAT YANG DIBAWA KE DALAM MESYUARAT
(DEWAN RAKYAT)**

<u>TAHUN</u> <u>2019</u>	<u>RISALAT/DOKUMEN</u>	<u>TARIKH</u> <u>DIBENTANGKAN</u>
DR.4	Jawatankuasa Pilihan Khas Bajet, Penyata Pertama Sesi 2018-2020, Hutang dan Liabiliti Kerajaan	17 Julai 2019

****UCAPAN-UCAPAN
(PERATURAN MESYUARAT 17)
(KAMAR KHAS)**

Tarikh Ucapan	Ahli Yang Berucap	Tajuk Ucapan	Menteri Yang Bertanggungjawab
1. 17.07.2019 (Rabu)	1. YB Tuan Charles Anthony Santiago (Klang)	1. Kementerian Luar Negeri Harus Menyiasat Dan Menolong Kembalikan En. Hemakavin A/L Karthigesu (No. K/P: 971120-10-7171)	1. YB Menteri Luar Negeri
2. 17.07.2019 (Rabu)	2. YB Puan June Leow Hsiad Hui (Hulu Selangor)	2. Isu Infrastruktur Asas Di Hulu Selangor	2. YB Menteri Kerja Raya

**** Ucapan Di Bawah Usul Berkenaan Perkara Tadbir Kerajaan (Peraturan Mesyuarat 17)**